

# Mahathir mahu sektor awam lebih cekap

Oleh Misiah Taib

KUCHING, Selasa – Sektor awam perlu berusaha melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan cepat kerana pendekatan sedemikian akan membantu mempercepatkan pembangunan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan projek pembangunan lambat dimulakan kerana menghadapi masalah birokrasi seperti menunggu proses menandatangani sesuatu perjanjian dan perkara berkaitan.

“Jika kita melakukan sesuatu dengan cepat termasuk proses birokrasi, kita sebenarnya membantu menjimatkan kos.

“Kerajaan sentiasa menggalakkan sesuatu projek dilakukan dengan cepat kerana semakin lama proses itu mengambil masa, maka lebih banyak kos terpaksa dikeluarkan dan ini merugikan negara,” katanya sewaktu

merasmikan Wisma Ting Pek Khiing berharga RM30 juta di Jalan Bukit Mata Kuching, di sini, hari ini. Turut hadir isteri beliau, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila.

Dr Mahathir berkata, masalah kelewatan itu juga merugikan rakyat kerana pemaju tidak akan mahu rugi jika sesuatu projek tertangguh.

“Apa yang akan mereka (pemaju) lakukan ialah menaikkan kos projek bagi menampung kerugian dan akhirnya rakyat sendiri yang terpaksa membayar lebih (di atas kerugian itu),” katanya.

Menurutnya, masalah kelewatan juga mungkin menjelaskan minat pelabur kerana kebanyakan pelabur asing ingin melaksanakan sesuatu projek secepat mungkin bagi mengaut keuntungan segera.

Mengekai penswastaan,

Perdana Menteri berkata, sektor swasta di negara ini kini sudah mampu melaksanakan projek dengan lebih cepat berbanding agensi kerajaan.

Menurutnya, langkah kerajaan memperuntukkan beberapa projek raksasa kepada sektor swasta khususnya pengusaha tempatan, setakat ini berjaya memberikan pulangan baik.

Beliau berkata, pengusaha tempatan kini memiliki kepakaran teknikal yang tinggi dan mampu melaksanakan sesuatu projek dengan cepat, berbanding tempoh ditetapkan.

“Di Malaysia kita dapati ramai pengusaha yang cekap-cekap belaka. Mereka boleh buat sesuatu yang tidak dapat dibuat oleh pihak lain. Misalnya, apabila kita swastakan Lebuhraya Utara-Selatan di Semenanjung.

“Kita dapati bahawa jika ia dibina oleh pihak JKR (Jabatan Kerja Raya)...

minta maaf kalau ada pegawai JKR di sini, ia akan mengambil masa yang panjang dan mungkin akan lebih lewat daripada masa ditetapkan. “Tetapi setelah diswastakan maka lebuhraya itu siap 15 bulan lebih awal. Ini bukan sahaja pencapaian yang cemerlang malah ia membolehkan mereka (sektor swasta terbabit) mendapat hasil 15 bulan lebih awal,” katanya.

Perdana Menteri juga gembira kerana projek Bakun dijanjikan siap lebih awal iaitu dalam tempoh enam tahun sahaja, berbanding jangkaan awal selama 10 tahun.

Beliau juga berkata, kewujudan banyak individu bergelar jutawan dan syarikat gergasi yang berjaya, menguntungkan masyarakat keseluruhan kerana daripada hasil percukaian sebanyak 30 peratus pendapatan mereka, kerajaan dapat menyediakan kemudahan bagi rakyat.